

# Tanah Merah calonkan Ku Li Presiden, timbalan

BH 11 MAR 2000

TANAH MERAH. Jumaat —Umno bahagian Tanah Merah hari ini mencalonkan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah, bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno.

Ini adalah pencalonan pertama bagi Tengku Razaleigh untuk jawatan herkenaan. Sebelum ini, beliau mendapat satu pencalonan untuk jawatan Naib Presiden daripada Umno bahagian Grik.

Pencalonan Tengku Razaleigh bagi dua jawatan itu dikemukakan oleh Ketua Umno bahagian, Datuk Hashim Safin dan disokong Alias Ismail dari cawangan Taman Adabi.

Seorang ahli jawatankuasa baha-

gian itu, Mohd Noor Jaafar, pula mencadangkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempertahankan jawatannya, manakala Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi kerusi Timbalan Presiden.

Bagaimanapun, undian yang dilakukan secara mengangkat tangan selepas itu mengesahkan Tengku Razaleigh sebagai calon jawatan Presiden dan Timbalan Presiden.

Bahagian Tanah Merah turut mencalonkan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar dan penyandang

LIHAT MUKA 2

## 'Mandat akar umbi'

DARI MUKA 1

BH 11 MAR 2000

jawatan, Tan Sri Muhammad Mohd Taib bagi kerusi Naib Presiden.

Proses pengundian berjalan tenang dan lancar. Terdahulu, Hashim merasmikan mesyuarat yang dipengerusikan oleh Datuk Ibrahim Pateh Mohamad.

Seramai 371 perwakilan menghadiri mesyuarat yang diadakan di dewan Sekolah Menengah Teknik Tanah Merah. Bahagian ini adalah yang pertama daripada bahagian Umno di negeri ini mengadakan mesyuarat perwakilannya.

Hashim, ketika ditemui pmbcrite selepas itu berkata, keputusannya mencalonkan Tengku Razaleigh bagi dua jawatan itu adalah atas kehendaknya sendiri selepas mendapat mandat daripada ahli peringkat akar umbi.

"Pencalonan itu dilakukan berdasarkan keadaan Umno sekarang yang memerlukan perubahan. Saya bukan bersendirian dalam membuat keputusan. Saya mendapat sokongan ahli dan Perlembagaan Umno sendiri jelas membenarkan setiap bahagian mencalonkan sesiapa yang mereka mahukan.

"Keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno supaya dua jawatan itu tidak dipertandingkan adalah nasihat semata-mata," katanya.